



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Kerjasama Johor-Belanda Dalam Ekonomi Digital, Kejuruteraan](#)

Utusan Malaysia - Kerjasama Johor-Belanda Dalam Ekonomi Digital, Kejuruteraan

🕒 Khamis, Mei 04 2017



Kerjasama Johor-Belanda dalam ekonomi digital, kejuruteraan

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
ekonomi@utusan.com.my

ISKANDAR PUTERI 3 Mei - Johor berminat bekerjasama dengan Belanda untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam bidang ekonomi digital, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kejuruteraan untuk dikembangkan di Iskandar Malaysia.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim berkata, syarikat-syarikat dari negara tersebut sedia bekerjasama dan berkongsi pengalaman dengan negeri ini bagi memastikan usaha itu berjaya.

"Ketika ini kita sedang mempromosikan sektor pembuatan dan perkhidmatan di Iskandar Malaysia dan pada masa sama kita mahu berkongsi kepakaran dengan Belanda dalam bidang ekonomi digital, ICT dan kejuruteraan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin melancarkan Majlis Perniagaan Belanda Malaysia (MDBC) negeri di Bandar Medini di sini hari ini.



ISMAIL IBRAHIM (kanan) melancarkan Majlis Perniagaan Belanda Malaysia (MDBC) Johor sambil diperhatikan oleh Karin Mossenlechner (dua dari kanan), Zainul Rahim (dua dari kiri) dan James Tee di Bandar Medini, Iskandar Puteri, Johor, semalam. - UTUSAN/ ISHAK RAHMAD

Yang turut hadir Pengerusi MDBC negeri, Zainul Rahim; Ketua Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Medini Iskandar Malaysia Sdn. Bhd. (MIM), Dr. James Tee serta Duta Belanda, Karin Mossenlechner.

MDBC tersebut merupakan ketiga di negara ini selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang antara-

nya bertujuan mengukuh hubungan dagangan antara Johor dan Belanda selain meneroka pasaran serta bidang perniagaan baharu.

Ismail berkata, MDBC itu antaranya akan berfungsi sebagai pusat sehenti bagi syarikat-syarikat Belanda bertukar-tukar maklumat dan mencari peluang perniagaan di sini.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

